# MANUAL PERMOHONAN PROGRAM BANTUAN SEKOLAH NEGERI SELANGOR

## TAHUN 2025

Bantuan baikpulih / naik taraf infrastruktur sekolah

(Perluasan kepada skop pemerkasaan **STEM** & **TVET**)



Anjuran :

**JAWATANKUASA TETAP PENDIDIKAN DAN MODAL INSAN NEGERI SELANGOR**

MALAYSIA MADANI ihsan

KITA SELANGOR

## PENGENALAN PROGRAM

Program Bantuan Sekolah Negeri Selangor merupakan inisiatif di bawah Iltizam Selangor Penyayang merupakan bantuan kewangan khusus bertujuan untuk membaikpulih infrastruktur sekolah dalam penyediaan persekitaran pengajaran dan pembelajaran yang selamat dan kondusif kepada guru dan pelajar.

## SYARAT-SYARAT PERMOHONAN :

- Permohonan dibuka kepada sekolah-sekolah di negeri Selangor dan wajib **berdaftar** di bawah **Jabatan Pendidikan Negeri Selangor (JPNS)** atau **Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS)** sahaja.
- Permohonan Program Bantuan Sekolah Negeri Selangor mestilah bertujuan **untuk membaikpulih/ naik taraf infrastruktur sekolah sahaja**.
- Permohonan hendaklah dibuat oleh pihak sekolah melalui Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) / Lembaga Pengelola Sekolah (LPS).
- **Setiap sekolah** hanya dibenarkan untuk mengemukakan **satu (1) permohonan** sahaja.
- Permohonan hendaklah disertakan bersama dokumen ***Bill Of Quantities*** **(BQ) yang disediakan oleh kontraktor bertauliah sahaja.**
- Permohonan yang tidak memenuhi syarat atau TIDAK disertakan dengan dokumen yang lengkap **tidak akan dipertimbangkan**

## TEMPOH PERMOHONAN :

- Permohonan dibuka mulai **1 Februari 2025 hingga 28 Februari 2025.**
- Permohonan mestilah dikemukakan secara atas talian dalam tempoh tersebut sahaja.
- Sebarang permohonan yang diterima di luar tempoh tersebut **tidak akan diproses.**


MALAYSIA MADANI ihsan
KITASELANGOR

# TATACARA PERMOHONAN :

- Permohonan boleh dikemukakan secara atas talian melalui laman sesawang https://ssipr-daftar.selangor.gov.my/login
- Permohonan hendaklah dibuat oleh pihak sekolah melalui Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) / Lembaga Pengelola Sekolah (LPS)
- Setiap pemohon perlu mengisi maklumat yang diminta dengan tepat dan benar
- Permohonan perlulah dikemukakan dengan lampiran dokumen seperti berikut dalam bentuk format **PDF sahaja** iaitu:

1. **Struktur Pentadbiran Sekolah**
    - Carta organisasi sekolah terkini (perlu mengandungi nama penuh dan jawatan individu)
2. **Sebut Harga**
    - Bill Of Quantities (BQ) yang disediakan oleh **kontraktor bertauliah yang dilantik oleh pihak sekolah sahaja.**
    - Perlu mengandungi ***letterhead*** **dan cop syarikat kontaktor** pada sebut harga tersebut
3. **Gambar Kerosakan Bangunan / Peralatan**
    - Lampirkan kompilasi gambar-gambar kerosakan yang ingin dibaikpulih dalam satu dokumen pdf
4. **Salinan Bil Elektrik / Air / Telefon Sekolah**
    - Salinan bil mestilah **atas nama sekolah sahaja**
    - Sekiranya bil bukan atas nama sekolah, perlu lampirkan surat perakuan dari pihak sekolah dan nyatakan sebab bil bukan atas nama sekolah
5. **Salinan Muka Hadapan Bank Yang Terkini**
    - Bank yang dilampirkan mesti **atas nama Sekolah / PIBG / Lembaga Pengelola Sekolah sahaja.**
    - Sekiranya bank yang dilampirkan bukan atas nama Sekolah / PIBG / Lembaga Pengelola Sekolah, **lampirkan surat perakuan dari pihak sekolah dan nyatakan sebab.**
    - Perlu memaparkan **nama bank, penama akaun bank dan nombor akaun bank dengan jelas.**
6. **Salinan Surat Pelantikan / Cabutan Minit Mesyuarat Pelantikan Lembaga Pengelola Sekolah / PIBG Sekolah**
    - Lampirkan surat pelantikan pengerusi PIBG / pengerusi Lembaga Pengelola Sekolah
    - **Wajib lampirkan Sijil Perakuan Pendaftaran Sekolah Agama Islam Negeri Selangor** bagi **kategori Sekolah Agama Rakyat sahaja**


MALAYSIA MADANI ihsan KITASELANGOR

# TATACARA PERMOHONAN :

1. Layari laman sesawang [https://ssipr-daftar.selangor.gov.my/login](https://ssipr-daftar.selangor.gov.my/login)
2. Klik “**LOG MASUK**” bagi pengguna sedia ada atau “**DAFTAR AKAUN**” untuk mendaftar akaun baharu




3. Klik pada kotak Inisiatif Peduli Rakyat **Pendidikan**



4. Cari '**Program Bantuan Sekolah Negeri Selangor**'
5. Klik **DAFTAR**




6. Pilih Jenis Sekolah, DUN dan Parlimen bagi sekolah yang dimohon
7. Isi semua maklumat sekolah yang diminta. **Diisi tanpa nama singkatan dan hanya huruf besar sahaja. (Contoh : SEKOLAH KEBANGSAAN TAMAN INDAH PERMAI)**
8. Sila rujuk contoh seperti dalam gambar di bawah.
9. Bagi ruangan '**No Telefon Fax**', sila isikan **nombor telefon bimbit pemohon yang boleh dihubungi** oleh pihak urus setia.





MALAYSIA MADANI ihsan
KITASELANGOR

10. Isikan alamat Pengelola Sekolah / PIBG. (dalam huruf besar sahaja)
11. Isikan Maklumat Bantuan Sekolah
12. Bagi Peringkat Pembinaan sila isikan **PEMBINAAN BAHARU** atau **BAIK PULIH.**
13. Isikan A**nggaran Kos Baik Pulih, Jumlah Bantuan Yang Diperolehi Daripada Kerajaan Negeri** (Jumlah Bantuan diterima Tahun 2024) dan **Jumlah Peruntukan Yang Dimohon** (Bagi Permohonan Tahun 2025)




14. Isikan nama penuh akaun bank Pengelola Sekolah / PIBG **mengikut nama seperti di lampiran penyata bank. (dalam huruf besar sahaja)**
15. Isikan No. Akaun Bank dan Nama Bank yang sama seperti di lampiran penyata bank.
16. Muat naik dokumen yang diminta seperti di halaman 6:





MALAYSIA MADANI ihsan
KITA SELANGOR

# SENARAI SEMAK DOKUMEN :

- Muat naik dokumen berikut dalam bentuk **PDF sahaja** iaitu:

1. **Struktur Pentadbiran Sekolah**
    - Carta organisasi sekolah terkini (perlu mengandungi nama penuh dan jawatan individu)
2. **Sebut Harga**
    - Bill Of Quantities (BQ) yang disediakan oleh **kontraktor bertauliah yang dilantik oleh pihak sekolah sahaja.**
    - Perlu mengandungi ***letterhead* dan cop syarikat kontaktor** pada sebut harga tersebut
3. **Gambar Kerosakan Bangunan / Peralatan**
    - Lampirkan kompilasi gambar-gambar kerosakan yang ingin dibaikpulih dalam satu dokumen pdf
4. **Salinan Bil Elektrik / Air / Telefon Sekolah**
    - Salinan bil mestilah **atas nama sekolah sahaja**
    - Sekiranya bil bukan atas nama sekolah, perlu lampirkan surat perakuan dari pihak sekolah dan nyatakan sebab bil bukan atas nama sekolah
5. **Salinan Muka Hadapan Bank Yang Terkini**
    - Bank yang dilampirkan mesti **atas nama Sekolah / PIBG / Lembaga Pengelola Sekolah sahaja.**
    - Sekiranya bank yang dilampirkan bukan atas nama Sekolah / PIBG / Lembaga Pengelola Sekolah, **lampirkan surat perakuan dari pihak sekolah dan nyatakan sebab.**
    - Perlu memaparkan **nama bank, penama akaun bank dan nombor akaun bank dengan jelas.**
6. **Salinan Surat Pelantikan / Cabutan Minit Mesyuarat Pelantikan Lembaga Pengelola Sekolah / PIBG Sekolah**
    - Lampirkan surat pelantikan pengerusi PIBG / pengerusi Lembaga Pengelola Sekolah
    - **Wajib lampirkan Sijil Perakuan Pendaftaran Sekolah Agama Islam Negeri Selangor** bagi **kategori Sekolah Agama Rakyat sahaja.**

- **Sila pastikan dokumen yang dimuat naik adalah mengikut kriteria yang diminta**
- **Dokumen yang dimuatnaik perlulah jelas dan benar**
- **Pihak urus setia berhak untuk menolak permohonan sekiranya dokumen yang dilampirkan tidak lengkap**

17. Tekan butang “Hantar” setelah selesai muat naik semua dokumen yang diperlukan.
18. **Semak semula semua maklumat**
19. Tandakan “Setuju” pada Perakuan Permohonan dan tekan butang “**Hantar**”












MALAYSIA MADANI ihsan
KITA SELANGOR

20. Skrin akan memaparkan seperti berikut jika permohonan berjaya dihantar:




21. Semak permohonan dengan menekan butang "**LIHAT STATUS**"






MALAYSIA MADANI ihsan KITASELANGOR

22. Sila pastikan skrin memaparkan permohonan dalam status “**Diproses**” seperti berikut.
23. Tekan butang “**Papar**” untuk menyemak permohonan anda




24. Tekan butang “Cetak” untuk mencetak permohonan anda.



25. Permohonan boleh dicetak dan disimpan bagi rujukan pihak PIBG / Lembaga Pengelola Sekolah.

26. Tidak perlu hantar dokumen secara *hardcopy* kerana permohonan hanya akan diproses secara atas talian sahaja.




## RUJUKAN / PERTANYAAN:

**Sebarang pertanyaan, boleh hubungi :**

JAWATANKUASA TETAP PENDIDIKAN DAN MODAL INSAN NEGERI SELANGOR
Seksyen Agihan dan Pembangunan, Unit Perancang Ekonomi Negeri,
Tingkat 13, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah,
40503, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.

**bantuansekolah@selangor.gov.my**
**03-5521 2595**



MALAYSIA MADANI ihsan
KITASELANGOR